

**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT I (D.3-4 EB.5)  
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT I  
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = LIMA (05)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri sebagai Pengawal Keselamatan Tingkat II atau jawatan yang sebanding sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 selama tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dengan Pasukan Keselamatan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Polis Diraja Brunei dan sebagainya selama tidak kurang dari 8 tahun..
2. Bagi calon-calon yang baru dilantik mestilah tidak memakai kaca mata/kanta lekap lebih 100 degree.
3. Calon-calon yang terdiri daripada bekas anggota Keselamatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih daripada kesalahan disiplin bagi tempoh 3 tahun kebelakangan dan mengemukakan nama 2 orang *Referees* yang dikenali lebih 5 tahun (Melengkapkan Borang Pengakuan Biodata).



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Melakukan tugas-tugas kawalan keselamatan yang melibatkan:
  - i. Rondaan
  - ii. Pemeriksaan
  - iii. Kawalan
  - iv. Pengawasan
  - v. Perhubungan
  - vi. Catatan
2. Mengendalikan sistem keselamatan di dalam Pusat Kawalan secara bergilir apabila diarahkan;
3. Menahan mana-mana orang atau benda yang melanggar atau cuba melanggar peraturan keselamatan di dalam tempat-tempat keselamatan untuk diserahkan kepada pihak berkuasa (*Lawful Authority*);
4. Mengaturkan tugas mengiringi (*escort*) mana-mana orang atau benda sebagaimana yang diarahkan dan mengiringinya apabila dikehendaki;
5. Memeriksa urusan-urusan *Security Pass* yang dikendalikan oleh anggota keselamatan;
6. Memastikan Pengawal-Pengawal Keselamatan melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan keselamatan yang diarahkan dari semasa ke semasa dengan sempurna dan memuaskan;
7. Menyelamatkan orang atau benda dalam kawasan kawalannya sewaktu kejadian kecemasan (*Emergency*);
8. Menggantikan tempat anggota keselamatan (*relief*) apabila diarahkan / diperlukan; dan
9. Menjalankan sebarang tugas keselamatan dan *safety* yang lain yang diatitkan kepadanya dari semasa ke semasa.